Ridzuan bin Taib lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K-05–161 TAHUN 2011
ABDUL MALIK ISHAK, AZAHAR MOHAMED DAN ZAWAWI SALLEH HHMR
23 OKTOBER 2013

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh disabitkan atas kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi — Tiada saksi — Pihak pendakwaan berlandaskan pada keterangan ikut keadaan sepenuhnya dalam mengendalikan pendakwaan — Sama ada pembelaan tertuduh boleh diterima

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Pembunuhan — Rayuan — Tertuduh disabitkan atas kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi — Sama ada sabitan selamat

Perayu telah didakwa di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') atas kesalahan membunuh neneknya ('si mati'). Pada hari kejadian, anak si mati ('SP3') telah menemui si mati dalam keadaan terlentang dan tidak bernyawa dengan sebilah pisau tercacak pada perutnya.Tidak jauh dari jasad si mati, SP3 mendapati uncang yang selalu digunakan oleh si mati untuk menyimpan wangnya telah kosong dan barang-barang kemasnya juga hilang. Setelah laporan polis dibuat dan siasatan dimulakan, sepasang baju dan seluar jeans yang dipakai oleh perayu telah dirampas. Hasil soal siasat, perayu telah membawa pihak polis ke sebuah tempat dan menunjukkan segumpal tali rafia. Seterusnya, perayu membawa pihak polis kepada satu motosikal yang mana dalam tempat duduknya terdapat sebuah karung kecil ('P86'). Dalam P86, dijumpai dua utas rantai tangan, seutas rantai leher, sebentuk cincin, satu subang telinga dan satu kelip subang. Kesemuanya dicamkan oleh SP3 sebagai barang-barang kemas milik si mati. Hasil analisa ahli kimia, DNA campuran perayu dan si mati dijumpai pada seluar jeans milik perayu. Ahli patologi pula mengesahkan bahawa si mati meninggal dunia akibat jerutan. Dengan ketiadaan saksi yang melihat pembunuhan tersebut, pihak pendakwaan berlandaskan pada keterangan ikut keadaan sepenuhnya. Dalam pembelaannya, perayu menyatakan bahawa pada hari tersebut, dia telah membawa teman wanitanya ('Norain') ke rumah si mati. Norain menyukai barang kemas yang dipakai oleh si mati dan berkeras memahukan barang-barang kemas tersebut. Menurut perayu, akibat marah, Norain terus ke dapur untuk mengambil pisau dan menikam si mati. Kemudian, Norain dikatakan menjerut leher si mati dengan tali rafia. Di akhir perbicaraan, yakin

bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie ke atas perayu, hakim bicara mendapati perayu bersalah dan mensabitkannya atas pertuduhan serta menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Dalam rayuan ini, perayu mendalihkan bahawa hakim bicara khilaf dalam memutuskan bahawa keterangan ikut keadaan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan, adalah memadai untuk mensabitkan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) Walaupun tiada saksi yang melihat bagaimana si mati dibunuh dan pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan, kesemua keterangan hendaklah dilihat secara keseluruhan dan bukan secara berasingan. Keterangan mengenai penemuan barang-barang kepunyaan si mati hasil daripada maklumat yang diberi oleh perayu, sejurus selepas pembunuhan si mati, merupakan satu daripada keadaan yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam memutuskan bahawa perayu telah melakukan kesalahan membunuh (lihat perenggan 15 & 17).

(2) Salah satu syarat pemakaian s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta') adalah maklumat yang boleh diterima mestilah berkait secara jelas dengan fakta yang dilihat. Maklumat yang menyebabkan tali rafia dijumpai oleh pihak polis adalah hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP10. Apa yang relevan hanyalah kebolehterimaan maklumat ini sahaja di bawah s 27 Akta. Mana-mana hakim bicara tidak seharusnya membenarkan satu perkataan lebih sekalipun dideposkan oleh pihak polis tetapi sekadar perlu untuk menunjukkan bagaimana fakta yang dizahirkan itu dikaitkan dengan seorang tertuduh (lihat perenggan 21).

(3) Pembelaan perayu bahawa Norain melakukan pembunuhan tersebut adalah merupakan satu pembelaan yang direka cipta. Nama Norain tidak pernah ditimbulkan semasa pemeriksaan ke atas mana-mana saksi pendakwaan. Perayu juga tidak menyatakan mengenai penglibatan Norain semasa memberi maklumat kepada SP10 yang telah menyoal siasat perayu sehingga membawa kepada penemuan barang kemas milik si mati. Cerita perayu wajar ditolak sama sekali sebagai satu cerita rekaan semata-mata dan merupakan satu pembohongan dalam keadaan perayu terdesak membuat pembelaan. Tiada keraguan munasabah boleh wujud mengenai kebersalahan perayu dalam kes ini. Pembelaan perayu telah ditolak dengan betul oleh hakim bicara (lihat perenggan 25–27).

(4) Dalam kes seperti ini, di mana keterangan bersifat mengikut keadaan sepenuhnya, apa yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah bukan hanya kekuatan setiap helaian keterangan individu, tetapi juga gabungan kekuatan helaian-helaian ini yang boleh dijadikan seutas tali yang cukup kuat untuk menggantung perayu. Hakim bicara telah menggunakan prinsip yang betul berdasarkan keterangan yang ada bahawa keterangan

mengikut keadaan dalam kes ini mencukupi sebagai asas untuk mensabitkan perayu (lihat perenggan 16).

[English summary

The appellant was charged under s 302 of the Penal Code ('Code') for the offence of murdering his grandmother ('the deceased'). On the eventful day, the deceased's son ('SP3') had found the deceased in a supine position and lifeless with a knife stabbed into her stomach. Not far from the deceased's body, SP3 found a pouch which was often used by the deceased to keep her money, was empty and her jewelleries were also gone. After a police report was made and an investigation was commenced, a pair of cloth and jeans worn by the appellant was seized. As a result of the investigation, the appellant led the police to a place and showed a bunch of raffia string. Next, the appellant took the police to a motorcycle in which seat contained a small pouch ('P86'). In P86, two bracelets, a necklace, a ring, earrings and an ear clip were found. They were all identified by SP3 as jewelleries belonging to the deceased. Analysis by the chemist showed that a mixed of DNA belonging to the appellant and the deceased was found on the pair of jeans belonging to the appellant. The pathologist also confirmed that the deceased died due to strangling. In the absence of an eyewitness who had witnessed the murder, the prosecution solely relied on circumstantial evidence. In his defence, the appellant testified that on the said day, he had taken his girlfriend ('Norain') to the deceased's house. Norain had taken a liking on the jewellery adorned by the deceased and was adamant about having the said jewelleries. According to appellant, due to rage, Norain headed to the kitchen to take a knife and stabbed the deceased. Then, Norain was said to have strangled the deceased's neck with a raffia string. At the end of the trial, satisfied that the prosecution had established a prima facie case against the appellant, the trial judge found the appellant guilty and convicted him as per charge and sentenced the appellant to mandatory death. In the present appeal, the appellant argued that the trial judge erred in deciding that the circumstantial evidence relied by the prosecution, was sufficient in convicting the appellant.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) Even though there was no eyewitness who had witnessed how the deceased was murdered and the prosecution relied on circumstantial evidence, all the evidence must be viewed in totality and not disjunctively. Evidence on the discovery of the items belonging to the deceased following the information given by the appellant, right after the murder of the deceased, was one of the circumstances which could be considered by the court in deciding that the appellant had committed the offence of murder (see paras 15 & 17).

(2) One of the conditions of the application of s 27 of the Evidence Act 1950 ('the Act') was that the information that could be accepted must be

clearly connected with the facts. The information which led to the raffia string being found by the police was the result of the information given by the appellant to SP10. What was relevant was the acceptability of this information only under s 27 of the Act. Any trial judge must not allow even a word to be deposed by the police unless where was necessary to show how the facts expressed was linked to a convict (see para 21).

(3) The appellant's defence that Norain had committed the murder was a fabricated defence. Norain's name was not raised during examination to any of the prosecution's witnesses. The appellant had also not mentioned Norain's involvement when giving information to SP10 who had investigated the appellant to the extent of leading to the discovery of the jewelleries belonging to the deceased. The appellant's story should be rejected totally as a mere fabrication and was a lie made in the face of the appellant being desperate to make a defence. No reasonable doubt could arise on the appellant's guilt in this case. The appellant's defence was rightly dismissed by the trial judge (see paras 25–27).

(4) In a case such as this, where the evidence was fully circumstantial by nature, what should be considered by the court was not the strength of every piece of an individual's evidence, but also the combination of these pieces which could form a rope solid enough to hang the appellant. The trial judge had adopted the correct principle based on available evidence that the circumstantial evidence in this case was sufficient as a foundation to convict the appellant (see para 16).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembunuhan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 1578–1585.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Ali Tan bin Abdullah v PP [2013] 2 MLJ 676, MR (dirujuk)

Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481, MR (dirujuk)

Hasamuddin bin Talena v PP [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504, MR (dirujuk)

Idris v PP [1960] 1 MLJ 296 (dirujuk)

Juraimi bin Husin v PP; Mohd Afandi bin Abdul Rahman & Anor v PP [1998] 1 MLJ 537, MR (dirujuk)

Khoo Hi Chiang v PP and another appeal [1994] 1 MLJ 265, MA (dirujuk)

Krishna Rao a/l Gurumurthi & Anor v PP and another appeal [2009] 3 MLJ 643; [2007] 4 CLJ 643, MP (dirujuk)

Krishnan v PP [1987] 1 MLJ 292, MA (dirujuk)

PP v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129, MP (dirujuk)

Polukuri Kotayya v R AIR 1947 PC 67, PC (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174, MP (dirujuk)
Tunde Apatira & Ors v PP [2001] 1 MLJ 259, MP (dirujuk)
Virsa Singh v State of Punjab AIR 1991 SC 467, MA (dirujuk)
Wai Chan Leong v PP [1989] 3 MLJ 356, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 27
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60(1)
Kanun Keseksaan ss 300(c), 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-32 Tahun 2009 (Mahkamah Tinggi, Alor Setar)

Baljit Singh Sidhu (Shukor Baljit & Partners) bagi pihak perayu.
Azlina Ahad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Ridzuan bin Taib ('perayu') telah didakwa dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Alor Setar bagi satu kesalahan membunuh neneknya yang bernama Basah bt Ahmad ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Butir-butir pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 11 Mei 2008, di antara jam lebih kurang 9.00 pagi hingga 3.15 petang, di rumah No 15, Taman Berlian, 06000 Jitra, di Daerah Kubang Pasu, dalam Negeri Kedah Darul Aman telah membunuh Basah bt Ahmad (No K/P: 331124–02–5098). Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Di akhir perbicaraan, YA hakim bicara telah mendapati bahawa perayu bersalah dan mensabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu. YA hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap keputusan tersebut.

[3] Kami telah mendengar rayuan perayu dan di akhir pendengaran, kami dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan perayu tidak bermerit dan dengan yang demikian ditolak.

[4] Diperturunkan sekarang alasan terperinci keputusan kami.

[5] Dalam kes ini, pihak pendakwaan berlandaskan sepenuhnya kepada

keterangan mengikut keadaan (circumstantial evidence) untuk membuktikan kesnya terhadap perayu memandangkan tiada saksi yang melihat pembunuhan tersebut.

[6] Encik Mat Arif bin Abu Bakar ('SP3') ialah anak kepada si mati. Pada 11 Mei 2008 pada jam 3.00 petang, selepas mengambil anaknya pulang dari sekolah, dia melalui di hadapan rumah ibunya. Pada masa itu, SP3 mendapati pintu dan gril rumah ibunya terbuka. SP3 telah masuk ke dalam rumah dan kemudian telah menjumpai ibunya tidak bernyawa dan terlentang di sofa. SP3 melihat sebilah pisau tercacak di perut si mati. Pisau tersebut dibaluti dengan tuala yang tertulis 'good morning'. SP3 nampak darah keluar dari telinga si mati dan mendapati gigi palsu si mati jatuh ke bawah lantai yang mana terdapat kesan darah. Tidak jauh dari jasad si mati, SP3 mendapati uncang yang selalu digunakan oleh si mati untuk menyimpan duit telah kosong. SP3 juga mendapati barang-barang kemas yang biasa dipakai oleh ibunya telah hilang.

[7] Pihak polis telah dimaklumkan tentang pembunuhan ini. Tidak berapa lama kemudian, pihak polis tiba di tempat kejadian. Siasatan segera dijalankan oleh pihak polis dengan diketuai oleh pegawai penyiasat, DSP Shaik Othman Abdul Hamid ('SP8').

[8] Pada hari yang sama, jam lebih kurang 5.00 petang, perayu telah ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk siasatan lanjut. SP8 telah merampas sepasang baju dan seluar jeans yang dipakai oleh perayu pada hari tersebut. K/Insp Saiful Hasnol Salehuddin ('SP10') telah membantu SP8 menjalankan soal siasat ke atas perayu. Hasil daripada soal siasat tersebut, perayu telah membawa SP10 dan anggota polis yang lain ke tepi Jalan Gelung. Di situ, perayu telah menunjukkan segumpal tali rafia warna merah jambu (P88).

[9] Seterusnya, perayu telah membawa dan memandu arah SP10 dan sepasukan anggota polis ke sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Seputeh Kodiang. Di bahagian dapur rumah tersebut, SP10 telah ditunjukkan oleh perayu sebuah motorsikal Honda Wave warna hitam No KBV 1358. Perayu telah menyuruh SP10 buka tempat duduk motorsikal tersebut. Dengan kunci yang telah sedia ada di situ, SP10 telah membuka tempat duduk motosikal yang berkenaan. Apabila diperiksa di bahagian spanar, SP10 telah menjumpai satu karung bersaiz kecil warna kuning yang mempunyai lambang hati warna merah yang tertulis 'Jordan' (P86). Dalam P86, SP10 mendapati terdapat dua utas rantai tangan (P48 dan P46), seutas rantai leher (P44), sebentuk cincin (P52), satu subang telinga (P50) dan satu kelip subang (P54). Kemudiannya, SP3 telah mengecamkan barang-barang kemas yang dijumpai itu adalah milik si mati.

[10] Seterusnya, SP8 telah menghantar kesemua barang kes yang berkaitan ke Jabatan Kimia Malaysia. Hasil dari analisis yang dijalankan oleh ahli kimia, Puan Nur Azeelah bt Abdullah ('SP9'), telah menemui DNA campuran perayu dan si mati pada seluar jeans milik perayu.

[11] Ahli patologi, Dr Bhupinder Singh ('SP11') pula mengesahkan sebab kematian si mati adalah 'ligature strangulation'. SP11 telah menerangkan bahawa tali rafia, P88, jika digunakan untuk menjerut, boleh membawa kematian si mati.

[12] Berdasarkan kesemua keterangan di atas, YA hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu. Dengan itu, perayu dipanggil untuk membela diri sebagaimana pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya.

[13] Perayu telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Menurut perayu, pada 11 Mei 2008 jam 9.00 pagi, beliau telah pergi ke rumah teman wanitanya yang bernama Norain bt Abdul Talib di Kampung Seputih, Kodiang. Kemudiannya beliau dan Norain telah pergi ke Jitra untuk membayar ansuran motorsikal bapa teman wanitanya. Selepas itu, mereka pergi ke rumah si mati, iaitu nenek perayu di Taman Berlian. Di rumah tersebut, mereka telah berbual-bual dengan si mati. Menurut perayu, sewaktu berbual, Norain terpandang barang kemas yang dipakai si mati. Norain menyukai barang-barang kemas itu dan menyuruh perayu meminta barang-barang kemas itu dari si mati. Perayu enggan dengan permintaan Norain. Menurut perayu lagi, Norain berkeras dan berhasrat untuk mendapatkan barang-barang kemas si mati iaitu rantai leher, gelang tangan, cincin dan subang. Norain menjadi marah dan terus ke dapur untuk mengambil pisau. Menurut perayu, dengan pisau tersebut, Norain terus menikam si mati walaupun cuba dihalang perayu. Si mati telah jatuh terbaring di atas lantai. Kemudiannya Norain telah menjerut leher si mati dengan seutas tali. Selepas itu, Norain telah mengambil barang-barang kemas si mati dan memasukkan ke dalam bungkusan kain warna kuning. Norain kemudiannya meletakkan barang-barang kemas itu ke dalam satu bungkusan kain dan menyimpannya di tempat duduk motorsikal No KBV 1358. Tidak berapa lama selepas itu, kedua-dua perayu dan Norain telah meninggalkan rumah si mati dan pulang ke rumah perayu. Menurut perayu kerana kasihankan Norain, beliau tidak membuat laporan polis terhadap teman wanitanya itu.

[14] Di hadapan kami, isu utama yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar perayu adalah tentang kekhilafan YA hakim bicara yang memutuskan bahawa keterangan mengikut keadaan dalam kes ini, yang disandarkan oleh pihak pendakwaan, adalah memadai untuk mensabitkan perayu. Peguam menghujah bahawa tiada saksi mata yang telah melihat perayu di tempat

kejadian bagi mengaitkan perayu dengan pembunuhan si mati. Menurut peguam, tiada apa-apa laporan cap jari yang dikemukakan oleh pendakwaan untuk mengaitkan perayu secara langsung sama ada di tempat kejadian, mahupun pada senjata yang digunakan untuk membunuh si mati. Peguam menambah bahawa YA hakim bicara telah silap apabila tidak memutuskan bahawa keterangan mengikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak membawa kepada kesimpulan bahawa perayu bersalah dan tidak menyediakan suatu rangkaian sempurna untuk membuktikan kebersalahan perayu.

[15] Berdasarkan kesemua keterangan mengikut keadaan yang terkandung dalam rekod rayuan, kami tidak dapat menerima hujah peguam. Memang benar dalam kes ini, tiada saksi yang melihat bagaimana si mati dibunuh. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan mengikut keadaan untuk membuktikan bahawa perayu yang menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati. Dalam hubungan ini, kami bersetuju dengan hujah timbalan pendakwa raya terpelajar bahawa kesemua keterangan yang berikut hendaklah dilihat secara keseluruhan dan bukan secara berasingan:

(a) perayu telah ditangkap pada 11 Mei 2011, jam 5.00 petang, di hadapan rumah si mati;

(b) hasil siasatan, perayu telah memandu arah SP10 ke tepi suatu jalan dan di situ perayu telah menunjukkan segumpal tali rafia warna merah jambu iaitu P88. Menurut SP11, sebab kematian si mati adalah 'ligature strangulation' dan P88 tersebut jika digunakan untuk menjerut, boleh membawa kepada kematian;

(c) seterusnya dengan dipandu arah oleh perayu, SP10 bersama pasukan polis telah pergi ke sebuah rumah. Di rumah tersebut, perayu menunjukkan kepada SP10 sebuah motorsikal jenis Honda Wave warna hitam No KBV 1358. SP10 memeriksa tempat spanar dan menjumpai karung kecil warna kuning mempunyai tali kuning dan berlambang hati warna merah dan tulisan perkataan 'Jordan' pada bahagian bawah karung;

(d) hasil pemeriksaan karung tersebut, SP10 menjumpai dua utas rantai tangan warna kuning, seutas rantai leher warna kuning, cincin warna kuning, satu subang warna kuning dan satu klip subang warna kuning;

(e) kesemua barang kemas tersebut telah dicamkan oleh anak si mati, SP3, sebagai barang kemas milik si mati;

(f) ibu perayu, Che Rohah bt Abu Bakar ('SP6'), telah mengesahkan bahawa pada hari kejadian, perayu yang telah menggunakan motorsikal tersebut dan kemudiannya perayu pulang ke rumah pada jam lebih kurang 2 petang tanpa motorsikal tersebut; dan

(g) SP9, ahli kimia telah menemui DNA campuran perayu dan si mati pada seluar jeans milik perayu yang dirampas oleh SP8.

[16] Dalam kes seperti ini, di mana keterangan bersifat mengikut keadaan sepenuhnya, apa yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah bukan hanya kekuatan setiap helaian keterangan individu, tetapi juga gabungan kekuatan helaian-helaian ini yang boleh dijadikan seutas tali yang cukup kuat untuk menggantung perayu (sila lihat *Idris v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 296). Kami telah meneliti penghakiman YA hakim bicara dan kami mendapati bahawa YA hakim bicara telah menggunakan prinsip yang betul berdasarkan keterangan yang ada bahawa keterangan mengikut keadaan dalam kes ini adalah mencukupi sebagai asas untuk mensabitkan perayu. Inilah apa yang dikatakan oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya mengenai isu ini:

> Mengenai isu pertama, keterangan keadaan (circumstantial evidence) menunjukkan tertuduh yang tinggal bersama mangsa melakukan perbuatan itu. Tali rafia P88 yang dijumpai selepas ditunjukkan oleh tertuduh kepada SP10 boleh menyebabkan kematian si mati. P88 tali rafia jika digunakan untuk menjerut leher si mati boleh menyebabkan kematian. Darah tertuduh dan darah si mati adalah berpadanan dan dari darah yang sama seperti yang dijelaskan oleh ahli kimia DNA SP9. Di samping itu, barang-barang kemas kepunyaan mangsa dijumpai di rumah teman wanita tertuduh selepas tertuduh membawa SP10 ke rumah teman wanitanya itu. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] MLJ 307 memutuskan:
>
> > in cases where the evidence is wholly circumstantial, what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope.

[17] Dalam hubungan ini, kami ingin menegaskan bahawa keterangan mengenai penemuan barang-barang kepunyaan si mati hasil daripada maklumat yang diberi oleh perayu, sejurus selepas pembunuhan si mati, merupakan satu daripada keadaan yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam memutuskan bahawa perayu telah melakukan kesalahan membunuh (sila lihat *Ali Tan bin Abdullah v Public Prosecutor* [2013] 2 MLJ 676).

[18] Sekarang kami beralih kepada alasan seterusnya yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar perayu bagi menyokong rayuan ini. Peguam menghujah bahawa YA hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila YA hakim bicara gagal menghargai bahawa keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta') tidak boleh diterima. Bagi menyokong hujahan ini, peguam telah menarik perhatian kami kepada keterangan SP10 sewaktu di

peringkat pemeriksaan utama serta bantahan yang dibangkitkan oleh peguam perayu seperti yang dapat dilihat di ms 97 rekod rayuan seperti berikut:

> Q: Semasa temubual kamu dengan Tertuduh sebelum tali rafia dan barang-barang kemas dijumpai, apa sebenarnya yang berlaku?
>
> A: Dalam temubual itu, Tertuduh telah beritahu saya 'barang-barang emas yang saya ambil dari tok saya, saya simpan dekat dalam motorsikal'. Tertuduh juga beritahu 'tali rafia yang saya guna untuk menjerut tok saya, saya buang dekat tepi jalan'.

Peguam Tertuduh: bantah semua perkataan 'pengakuan' Tertuduh.

Hujahan Pendakwa Raya — apa yang dibehtahu oleh Tertuduh kepada Soalan tertakluk kepada Seksyen 27 Akta Keterangan walaupun terdapat 'confession', ia tidak tertakluk kepada t.w.t bawah seksyen 24, 25, dan 26 Akta Keterangan. Kes-kes Pulukuri Kutayya dan *Amatheveli v Public Prosecutor* [2008] 4 CLJ 41 adalah berkaitan. Oleh yang demikian, apa yang dinyatakan oleh Saksi boleh diterima di bawah seksyen 27 berdasarkan Keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut.

Mahkamah — perkara ini tertakluk kepada penghujahan.

[19] Di hadapan kami, peguam menghujah bahawa dalam penghakimannya, YA hakim bicara tidak membuat apa-apa dapatan mengenai bantahan yang telah dibuat. Peguam telah menghujah bahawa pengakuan perayu kepada SP10 bahawa 'tali rafia yang saya guna untuk menjerut tok saya' adalah suatu pengakuan yang tidak boleh dibenarkan dan tidak boleh diterima di bawah s 27 Akta. Kami mendapati dalam penghakimannya, YA hakim bicara kelihatan tidak membuat apa-apa dapatan spesifik tentang bantahan yang dibuat itu. Mengenai pemakaian peruntukan s 27 yang berkenaan, YA hakim bicara dalam penghakimannya hanya menyentuh secara am sahaja seperti berikut:

> Mengenai isu ketiga, dari keterangan keadaan yang dikemukakan oleh pendakwaan, Mahkamah berpuas hati tertuduhlah yang melakukan perbuatan mencederakan mangsa yang membawa kepada kematiannya. Tertuduh telah membawa SP10 kepada penemuan tali rafia dan barang-barang kemas. Mahkamah menerima kenyataan ini berdasarkan keputusan kes Mahkamah Rayuan *Bala Anak Matik v Public Prosecutor* [2006] 3 MLJ 516; [2006] 2 CLJ 229. Begitu juga dalam kes *Amathevelli Ramasamy v Public Prosecutor* [2008] 3 MLJ 782; [2008] 4 CLJ 5 Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:
>
> > For information leading to discovery of a fact or thing to be admissible under s 27, there is no duty on the prosecution to establish the voluntariness of the information.
>
> Mahkamah Persekutuan dalam kes *Krishna Rao v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 643; [2010] 2 AMR 281 menerima 'discovery statement' kerana tertuduh memang memberi pernyataan sedemikian.

[20] Seksyen 27 memperuntukkan seperti berikut: A

> When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much of that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved. B

[21] Pada pandangan kami, salah satu syarat pemakaian s 27 adalah maklumat yang boleh diterima mestilah berkait secara jelas dengan fakta yang dilihat (sila lihat *Wai Chan Leong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 356 dan *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 399; [2005] 2 CLJ 481). C Justeru, dalam konteks kes ini, maklumat yang menyebabkan tali rafia, P88, dijumpai oleh SP10 adalah merupakan hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP10. Apa yang relevan hanyalah kebolehterimaan maklumat ini sahaja di bawah s 27 Akta. Di sini, kami ingin menegaskan bahawa mana-mana hakim bicara tidak seharusnya membenarkan D satu perkataan lebih sekalipun dideposkan oleh pihak polis tetapi sekadar perlu untuk menunjukkan bagaimana fakta yang dizahirkan itu dikaitkan dengan seorang tertuduh (sila lihat *Hasamuddin bin Talena v Public Prosecutor* [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504, *Krishnan v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 292 dan *Krishna Rao a/l Gurumurthi & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 643; E [2007] 4 CLJ 643). Dalam kes *Polukuri Kotayya v R* AIR 1947 PC 67, Privy Council menyatakan:

> On normal principles of construction their Lordships think that the proviso to s 26, added by s 27, should not be held to nullify the substance of the section. In their F Lordships' view it is fallacious to treat the 'fact discovered' within the section as equivalent to the object produced; the fact discovered embraces the place from which the object is produced and the knowledge of the accused as to this, and the information given must relate distinctly to this fact. Information as to past user, or past history, of the object produced is not related to its discovery in the setting in G which it is discovered. Information supplied by a person in custody that 7 will produce a knife concealed in the roof of my house' does not lead to the discovery of a knife; knives were discovered many years ago. It leads to the discovery of the fact that a knife is concealed in the house of the informant to his knowledge, and if the knife is proved to have been used in the commission of the offence, the fact discovered is very relevant. But if to the statement the words be added 'with which H I stabbed A' these words are inadmissible since they do not relate to the discovery of the knife in the house of the informant.

[22] Berbalik kepada kes ini, kami berpendapat bahawa perkataan-perkataan: 'tali rafia yang saya guna untuk menjerut tok saya', yang I menjadi sebahagian dari maklumat yang diberikan kepada SP10, tidak boleh dibenarkan dan tidak boleh diterima sebagai keterangan atas alasan bahawa ianya tidak berkaitan kepada penemuan eksh P88. Oleh yang demikian, ianya tidak dirangkumi oleh s 27 Akta.

[23] Ini membawa kepada persoalan penting dalam rayuan ini: sama ada dalam keadaan kes dan fakta di sekeliling kes ini kegagalan YA hakim bicara membuat apa-apa dapatan spesifik tentang bantahan yang dibuat oleh peguam itu telah mengakibatkan kegagalan keadilan (has occasioned a failure of justice). Adakah ia telah mencemari kesahihan keseluruhan perbicaraan dan menjadi sabitan perayu tidak selamat? Membaca penghakiman YA hakim bicara secara keseluruhannya, kami berpendapat YA hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betui mengenai beban bukti setelah menilai dengan sempurna dan secukupnya segala keterangan di hadapan beliau, khususnya pembelaan perayu. Pada hemat kami, sifat keterangan mengikut keadaan yang wujud dalam kes ini telah membawa kepada kesimpulan yang tidak dapat dibendung bahawa sebenarnya perayu adalah orang yang telah melakukan kesalahan tersebut. Hanya satu inferens yang boleh dibuat bahawa perayu dan bukan orang lain telah melakukan kesalahan yang berkenaan. Penemuan mayat si mati dalam keadaan yang mengerikan menimbulkan niat perayu untuk membunuh si mati di bawah s 300(c) KK yang memperuntukkan bahawa mematikan orang dengan salah ialah membunuh orang jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang, dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya bagi menyebabkan kematian (sila lihat *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 dan *Virsa Singh v State of Punjab* AIR 1991 SC 467).

[24] Pada hemat kami, terdapat keterangan ikut keadaan yang mencukupi, yang jika dilihat secara keseluruhan, boleh menunjukkan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah dan pihak pembelaan telah gagal untuk membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[25] Pada hemat kami, pembelaan perayu bahawa Norain melakukan pembunuhan tersebut adalah merupakan satu pembelaan yang direka cipta. Nama Norain tidak pernah ditimbulkan semasa pemeriksaan ke atas mana-mana saksi pendakwaan terutamanya semasa SP8, pegawai penyiasat, memberi keterangan. Perayu juga tidak menyatakan mengenai penglibatan Norain semasa memberi maklumat kepada SP10 yang telah menyoal siasat perayu sehingga membawa kepada penemuan barang kemas milik si mati.

[26] Keraguan yang munasabah adalah satu keraguan yang timbul dari keterangan yang dikemukakan atau keraguan yang timbul di atas sebab ketiadaan keterangan. Keraguan yang dimaksudkan ialah 'keraguan yang munasabah' dan bukan 'fanciful doubt'. Keraguan yang munasabah bukanlah satu 'imaginary doubt'. Keraguan yang dimaksudkan adalah keraguan orang

yang waras (reasonable man), lanya bukanlah keraguan yang berlaku kepada seseorang yang mempunyai minda yang teragak-agak (wavering or fickle mind). A

[27] Kami berpendapat cerita perayu wajar ditolak sama sekali sebagai satu cerita rekaan semata-mata dan merupakan satu pembohongan dalam keadaan perayu terdesak membuat pembelaan. Tiada keraguan munasabah boleh wujud mengenai kebersalahan perayu dalam kes ini. Pada hemat kami, pembelaan perayu telah ditolak dengan betul oleh YA hakim bicara. B

[28] Dengan yang demikian, atas fakta kes ini, sungguhpun YA hakim bicara tidak mengarahkan dirinya dengan sewajarnya tentang bantahan yang dibangkitkan atas isu ini, namun kesilapan ini tidak menjadikan sabitan tidak sah atas alasan ini, kerana seandainya beliau mengarahkan dirinya dengan betul, keputusan yang sama juga akan dicapai (sila rujuk *Khoo Hi Chiang and Another v Public Prosecutor* [1994] 1 MLJ 265, *Public Prosecutor v Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129, *Tunde Apatira v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259 dan *Juraimi bin Husin v Public Prosecutor Public Prosecutor v Mohd Afandi bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537). Justeru, tidak terdapat ketidakadilan substantial yang berlaku mengenai isu ini. Dalam keadaan sedemikian, kami memakai dan menggunakan proviso kepada s 60(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang memperuntukkan seperti berikut: C D E

> Provided that the Court of Appeal may, notwithstanding that it is of opinion that the point raised in the appeal might be decided in favour of the appellant, dismiss the appeal if it considers that no substantial miscarriage of justice has occurred. F

[29] Berdasarkan kepada kesemua alasan yang telah kami huraikan, kami memutuskan dengan sebulat suara bahawa keputusan yang dibuat oleh YA hakim bicara adalah betul dan kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman mati terhadap perayu adalah selamat. Kami tidak nampak bahawa keputusan yang dibuat oleh YA hakim bicara telah menyebabkan salah laksana keadilan. Sewajarnya perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya. Dengan yang demikian, kami menolak rayuan ini dan mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu yang dijatuhkan oleh YA hakim bicara. G H

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor I